

Japan Expert Program



筑波大学
University of Tsukuba



Kursus Ijazah Sarjana Muda untuk melatih pelajar antarabangsa yang memiliki fikiran JEPUN.

Pengambilan Pelajar Baru



Kepada pelajar antarabangsa yang ingin berkerja di negara Jepun, atau berminat dalam bidang pekerjaan yang berkaitan dengan negara Jepun, kini Universiti Tsukuba menawarkan kursus 4-tahun "Japan-Expert" (Ijazah Sarjana Muda), yang terdiri daripada kursus intensif Bahasa Jepun dan pendidikan dalam bidang-bidang profesional.

Kursus ini bertujuan untuk melatih pakar-pakar Jepun yang dapat menghubungkan negara Jepun dan negara-negara asing (negara anda) pada masa akan datang.

Minat dalam negara Jepun ? Minat belajar di Jepun ? Minat kerja di Jepun ?

4 Kursus untuk melatih pakar-pakar Jepun

Pelajar yang berjaya memasuki kursus ini dikehendaki mengikuti kursus intensif Bahasa Jepun selama setengah tahun.

Kelayakan permohonan: Tahap N3 (kursus-kursus yang lain), N2 (Kursus Latihan Guru Bahasa Jepun) dalam Ujian Kemahiran Bahasa Jepun (JLPT) adalah diwajibkan.

Kursus Latihan Agronomi Sarjana Muda (Sains Pertanian)



● Menguasai pengetahuan profesional dalam bidang pertanian dan perhutanan.

<kerja dan pendidikan lanjutan>

Penyelidik dan jurutera dalam bidang pertanian dan perhutanan, petani dan jurulatih di Jepun dan di luar negara Jepun, syarikat antarabangsa dan syarikat berkaitan dengan pertanian, melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan sebagainya.

Kursus Penjagaan Kesihatan Sarjana Muda (Penjagaan Kesihatan)



● Menguasai pengetahuan profesional dalam bidang penjagaan kesihatan.

<kerja dan pendidikan lanjutan>

Kakitangan pembina dasar kerajaan, pentadbir, penyelidik dan guru yang terlibat dalam bidang penjagaan kesihatan, jurutera pembangunan di syarikat berkaitan dengan pengurusan kesihatan, melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan sebagainya.

Kursus Seni Jepun Sarjana Muda (Sains Seni)



● Melatih guru, artis, pereka dan pakar yang menyebarkan seni tradisional Jepun.

<kerja dan pendidikan lanjutan>

Guru, artis, pereka, syarikat, pentadbiran, perbandaran, ahli fakulti universiti, kurator, penyelidik, melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan sebagainya.

Kursus Latihan Guru Bahasa Jepun Sarjana Muda (Pendidikan Bahasa Jepun)



● Mempertingkatkan kemahiran praktikal bahasa Jepun, memperdalam kefahaman bahasa dan budaya Jepun yang diperlukan untuk menyokong matlamat di atas

● Melatih guru bahasa Jepun

<kerja dan pendidikan lanjutan>

Jurulatih untuk latihan guru bahasa Jepun, guru, syarikat, sekolah bahasa Jepun di luar negara Jepun, melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana dan sebagainya.

Jadual ★Permohonan melalui laman web.

Tempoh permohonan / 27 Februari 2026- 19 Mac 2026

Peperiksaan kemasukan / 11 Mei 2026 - 15 Mei 2026

Tarikh pendaftaran masuk / 1 Oktober 2026

Pejabat Program Japan-Expert Universiti Tsukuba

✉ jp-expert@un.tsukuba.ac.jp

<http://jp-ex.tsukuba.ac.jp>

★Layari laman web untuk maklumat lanjut.

"Teks ini diterjemahkan dari bahasa Jepun. Jika terdapat perbezaan dalam tafsiran bahasa Malaysia, teks asal dalam bahasa Jepun akan diutamakan."

2026.01.01